

# Menyelewengkan tugas dibidas

Oleh ZAHANY SULONG dan NASHRULADIN RAHMAN

**KUALA TRENGGANU, Sabtu** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, membidas pihak pengurus dan pelaksanaan yang menyeleweng ketika melaksanakan tugas yang diberikan oleh kerajaan.

"Perbuatan itu pasti akan membantut dan membuntakan usaha kerajaan untuk membantu rakyat seperti yang terkandung dalam strategi pembangunan negara dan masyarakat tegasnya, ketika merasmikan kursus pemimpin masyarakat Trengganu, di Dewan Tunku Abdul Rahman, pagi ini.

Kira-kira 600 pemimpin UMNO bahagian Kuala Trengganu, Ulu

Trengganu, Kuala Nerus, Ulu Nerus dan kawasan Marang menghadiri kursus anjuran Jabatan Penerangan itu.

Menurut Datuk Musa, akibat penyelewengan itu, pelaksanaan projek pembangunan akan gagal, manakala kerajaan dan rakyat akan rugi. Dan untuk jangka panjang, pekerja akan hilang pekerjaan dan pendapatan.

Beliau menggesa rakyat Trengganu bersiap sedia melengkapkan diri dengan pelajaran bagi menghadapi cabaran pembangunan yang lebih hebat di masa depan.

Datuk Musa berharap rakyat Trengganu tidak akan meninggalkan industri kecil di kampung-kampung apabila wujud industri yang lebih besar kelak.

"Rakyat yang berdisiplin dan sanggup menghadapi cabaran dan akan berusaha sendiri bagi menambahkan pendapatan", tambahnya.

Menurut beliau, kadar pertumbuhan keluaran dalam negeri (KDNK) Trengganu meningkat 12.3 peratus dalam tahun ini. Ini tidak bermakna kemiskinan telah dibasmi kerana masih terdapat petani, nelayan dan pekebun kecil menghadapi masalah untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Di bidang kesihatan, kerajaan sentiasa menambah peruntukan dari masa kesemasa bagi memastikan kesihatan dapat dipertingkatkan.

Datuk Musa mengatakan Kerajaan Pusat telah menyediakan \$10 juta bagi melaksanakan projek-projek keagamaan, termasuk membina tempat-tempat ibadat, di Trengganu.

Bagi memajukan industri kecil, terangnya, Kerajaan Trengganu melalui jawatankuasa perusahaan dan pelancongan telah meluluskan 430 projek dan 295 projek berada di peringkat pengeluaran.

Di samping itu 249 buah industri yang menghasilkan songket, batik dan sebagainya terdapat di Trengganu, manakala tujuh perusahaan mengawit makanan hasil laut juga wujud di negeri ini.